JANGAN PANDANG REMEH TERHADAP SKOLIOSIS

Oleh: Nurul Asyikin binti Juarah, 1171771,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 18 Ogos 2020

Skoliosis merupakan penyakit di mana tulang belakang seseorang itu bengkok ke kiri atau ke kanan. Bukan sahaja tulang belakang itu membengkok ke tepi, tetapi tulang tersebut juga akan berputar pada paksi vertikalnya.

Menurut Pakar Runding Ortopedik, Pakar Bedah Tulang Belakang dan Intervensi Sakit, Dr Ozlan Izma Muhamed Kamil, penghidap masalah ini paling tinggi berlaku dalam usia 30 tahun dan meningkat sehingga umur 60 ke 65 tahun.

Penghidap masalah ini biasanya dalam kalangan wanita iaitu sebanyak dua peratus berbanding lelaki hanya 0.5 peratus.

Skoliosis juga boleh berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dalam lingkungan umur 6 hingga 15 tahun.

Kecederaan belakang dan kebiasaan membongkok semasa belajar adalah penyebab utama gangguan struktur tulang belakang.

Faktor genetik juga boleh menjadi punca masalah ini jika ahli keluarga mempunyai sejarah penyakit tersebut.

Antara tanda seseorang mengalami skoliosis adalah paras bahu yang tidak sama tinggi, sebelah bahagian tulang belikat lebih tinggi atau lebih jelas dari sebelah yang lain serta posisi pinggang sebelah kanan dan kiri tidak sama paras.

Terdapat juga keadaan apabila penghidap skoliosis membongkok ke hadapan, bahagian belakang tidak lurus dan tidak sama paras antara belakang kanan dan kiri.

Melalui pengalaman Pakar Bedah Ortopedik dan Tulang Belakang Hospital Pusrawi, Dr Sallehuddin Abdullah, beliau menerima ramai pesakit yang sering mengadu sakit pada bahagian belakang walaupun tidak pernah terjatuh atau pernah mengalami kemalangan.

Beliau mengatakan pesakit selalu mengabaikan kesakitan mereka dan beranggapan itu hanya perkara biasa.

Kebanyakan pesakit ini hanya akan datang ke hospital untuk mendapatkan rawatan apabila mereka sudah tidak dapat menahan rasa sakit lagi dan menyebabkan keadaan tulang belakang pada ketika itu sudah menjadi teruk.

Perunding Bedah Ortopedik (Tulang Belakang) Pusat Perubatan Subang Jaya, Dr Siow Yew Siong menyatakan, rawatan penyakit skoliosis mempunyai tiga peringkat iaitu pemerhatian, penggunaan alat sokongan dengan tujuan pembetulan tulang yang membengkok atau melengkung dan pembedahan.

Jika anda mengalami gejala sakit tulang belakang, dinasihatkan agar segera ke hospital untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kerana kalau dibiarkan, tulang belakang akan menjadi

lebih teruk dan memberi kesan kepada organ penting yang lain seperti paru-paru serta jantung yang lebih memudaratkan pesakit.